

Syubhah

Urus Niaga dalam Talian

Jasni Sulong

Profesor Madya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia



Kemajuan teknologi maklumat pada hari ini menyaksikan banyak urusan boleh dilakukan dengan berpaksikan teknologi secara dalam talian dengan bantuan telefon bimbit, i-Pad atau komputer. Teknologi ini bukan sahaja dapat membekalkan maklumat secara cepat, malah dapat menyediakan perkhidmatan tertentu kepada orang ramai, seperti jualan, tempahan, sewaan dan juga khidmat penghantaran.

Orang ramai tidak perlu lagi meninjau dari sebuah kedai ke sebuah kedai yang lain untuk mencari barangan dan membandingkan kualiti dan harga yang ditawarkan. Senario ini berubah dengan hanya melayari daripada satu laman sesawang ke satu laman sesawang yang lain. Perkhidmatan yang ditawarkan melibatkan pelbagai jenis urus niaga termasuklah untuk mendapatkan barangan dari luar negara. Antara laman sesawang yang menawarkan jual beli dan perkhidmatan secara dalam talian atau secara maya pada hari ini termasuklah *Lazada, Shopee, Zalora, Mudah.my, 11street, Lelong, Ezbuy, Grab, Foodpanda*, dan sebagainya. Malah, lebih mengujakan lagi barangan yang dibeli diselesaikan menggunakan pelbagai kaedah pembayaran secara dalam talian, seperti *eWallet, Financial Process Exchange (FPX)*, Kod QR, *Touch n Go*, kad debit, dan bermacam-macam bentuk dompet elektronik lagi.

Persoalan yang bermain di fikiran sebahagian daripada kita pada hari ini adalah sejauh manakah transaksi sedemikian bertepatan dengan hukum syarak? Adakah transaksi ini sah dan halal, atau mengandungi syubhah yang perlu dielakkan oleh umat Islam? Benarkah urus niaga atau transaksi dalam Islam menghendaki seseorang melakukannya secara bersemuka sahaja?

Bagi menjawab persoalan ini, kita perlu memahami konsep jual beli dalam Islam, iaitu dengan meneliti rukun dan syaratnya. Rukun jual beli ada lima, iaitu penjual, pembeli, barang, harga dan *sighah*, iaitu lafaz yang menunjukkan kerediaan antara penjual dengan pembeli. Jika diteliti amalan jual beli dalam talian pada hari ini, semua rukun ini wujud termasuklah *sighah* yang dilakukan secara bertulis. Cuma kaedah pelaksanaannya melibatkan kontrak antara dua orang yang berjauhan (*ghaib*). Mereka yang melakukan transaksi secara dalam talian ini boleh diqiyaskan dengan urus niaga secara surat-menyurat (*risalah*). Oleh itu, secara umumnya hukum jual beli yang dilakukan ialah harus dengan syarat memenuhi kaedah syarak yang berkaitan dengan urus niaga kewangan.

Pertimbangan hukum yang utama ialah pihak yang berkontrak mestilah mematuhi segala keperluan pada rukun dan syarat jual beli. Kegagalan untuk memenuhi keperluan ini boleh menjejaskan urus niaga yang dijalankan. Misalnya, syarat yang ditentukan bagi penjual dan pembeli ialah baligh, cerdas, sukarela dan merdeka, manakala syarat pada barang hendaklah yang bernilai dan bermanfaat mengikut syarak, wujud dan boleh diserahkan, serta menjadi milik sempurna

penjual. Syarat bagi harga pula mestilah mengikut nilai yang diiktiraf syarak dan berpatutan. Sementara itu, syarat bagi *sighah* ialah lafaz yang mengandungi ijab dan kabul bagi menunjukkan urus niaga tersebut berlaku secara sukarela dan tanpa paksaan.

Syubhah dalam urus niaga

Ketidaksempurnaan dalam syarat yang telah dinyatakan boleh menimbulkan syubhah dalam urus niaga. Syubhah ialah kalimah Arab yang bermaksud meragukan atau tidak jelas. Keraguan ini merujuk urus niaga yang tidak dapat dipastikan sama ada halal atau haram, iaitu terdapat kekurangan atau kecacatan sehingga menimbulkan keraguan pada kesahannya.

Perniagaan yang mengandungi unsur syubhah ini sah hukumnya, tetapi dianggap berdosa kerana berlaku beberapa elemen yang tidak dibenarkan syarak sekalipun dipersetujui oleh pembeli. Persetujuan itu kemungkinan berlaku akibat pembelian terdesak atau kerana mereka telah dimanipulasi oleh penjual. Misalnya, memberikan keterangan palsu sehingga harga sesuatu barang dinaikkan. Perbuatan ini dikenali sebagai *bay' al-najsy* yang dilarang oleh Rasulullah SAW.

Islam melarang keras urus niaga yang mengandungi unsur haram dan batil. Pada masa yang sama, Islam juga melarang urus niaga yang menjurus kepada hukum syubhah. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Nu'man bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud, "Sesungguhnya yang halal itu jelas, dan yang haram pun jelas. Antara kedua-duanya, terdapat perkara syubhah (yang masih samar) yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang. Barang siapa yang menghindarkan diri daripada perkara syubhah, maka dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya. Barang siapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka dia boleh terjatuh kepada perkara haram." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim). Justeru, tugas umat Islam adalah untuk mengelakkan daripada sebarang transaksi yang mengandungi elemen syubhah ini.

Jika perkara yang halal itu jelas, maka teruskan berurus niaga dalam perkara yang halal tersebut dan hendaklah mengelakkan sepenuhnya daripada melakukan transaksi syubhah. Keadaan ini boleh membawa kepada risiko untuk terjerumus dalam muamalat yang haram dan batil. Allah SWT menegaskan dalam firman-Nya yang bermaksud, "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu saling

memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka antara kamu.” (*Surah al-Nisa’* 4:29).

Elemen syubhah urus niaga dalam talian

Urus niaga dalam talian mempunyai lebih banyak elemen syubhah berbanding dengan urus niaga bersemuka. Melalui transaksi ini, pelanggan mempunyai ruang yang terhad untuk meneliti kualiti dan nilai sesuatu barangan dengan sempurna. Oleh sebab keterbatasan ini, elemen syubhah kebanyakannya wujud pada rukun jual beli yang ketiga, iaitu barangan jualan (*al-mabi’*). Kandungan dan preskripsi barangan yang dipaparkan secara maya dalam laman sesawang hanya melalui bukti gambar, ukuran saiz, berat dan warna yang dipersembahkan.

Syubhah boleh berlaku apabila gambar yang ditonjolkan tidak menyeluruh dan menyebabkan pembeli tidak dapat melihat posisi barang sepenuhnya. Malah, berlaku keadaan gambar sesuatu barangan diambil menggunakan kamera yang berkualiti tinggi yang boleh diubah suai sehingga penampilan barangan jualan menjadi lebih menarik dan elegan. Teknik foto yang digunakan, seperti menyerlahkan lagi warna dan membesarkan saiz barangan merupakan antara elemen syubhah. Pengubahsuaian ini akan menyebabkan pembeli terpedaya atau tertipu dengan gambar tersebut, sekalipun penjual tidak berniat sedemikian.

Keterangan tentang maklumat barangan jualan yang dipaparkan dalam talian mestilah mencukupi, tepat dan tidak menyeleweng. Sekiranya paparan maklumat tersebut kurang, mungkin berlaku unsur penyembunyian kualiti sesuatu barangan. Sedangkan tanggungjawab memberikan spesifikasi yang lengkap dan terperinci merupakan tanggungjawab penjual. Malah, terdapat juga situasi maklumat barangan yang dilabel dengan tulisan kecil bagi mengabui pembeli, serta tidak mudah disedari oleh pembeli. Dan dalam lain keadaan, terdapat juga tulisan dibesarkan bagi menjadikannya tebal dan panjang seperti isi buku. Di samping itu, syubhah juga berlaku pada barangan yang sebenarnya meniru bentuk barangan asli, tetapi tidak dinyatakan hal sebenar dengan meletakkan spesifikasi yang menyerupai barangan asli. Oleh itu, bagi mengelakkan keraguan pembeli, seseorang penjual boleh memasukkan tawaran pengembalian barangan secara *khiyar aib* atau bersyarat, iaitu

sekiranya barang yang diterima rosak atau cacat, maka barang baharu akan dihantar semula kepada pembeli.

Jualan barangan yang digayakan oleh model yang cantik dan menawan bagi tujuan mengabui mata pelanggan termasuk dalam niat yang boleh membawa kepada elemen syubhah. Akhirnya, pelanggan lebih asyik melihat model yang ditonjolkan bagi menggayakan sesuatu barangan berbanding dengan menilai barangan semasa melayari laman sesawang tersebut. Kaedah sebegini sering berlaku bagi melariskan barangan, tetapi kebaikan barangan tersebut tidak ditonjolkan.

Selain itu, syubhah berlaku apabila penjual memanipulasikan stok, kononnya itulah yang terakhir dalam simpanan penjual. Sifat tawaran ini seperti dalam *bay’ al-najsy*, iaitu barang dan harga dimanipulasikan oleh penjual. Tindakan ini memberikan gambaran bahawa barangan yang ditawarkan berstatus terhad dan perlu segera dibeli sebelum kehabisan. Manipulasi seperti ini boleh mendorong seseorang pembeli segera melakukan pembelian tanpa berfikir panjang, sedangkan perkara sebaliknya berlaku.

Dalam hal yang lain, manipulasi harga boleh berlaku dengan meletakkan tawaran harga yang tinggi, kemudian menurunkannya dengan memberikan diskaun. Malah, ada yang memberikan harga diskaun sedangkan harga yang diberikan selepas diskaun tersebut sememangnya harga pasaran yang sebenar. Hal ini merupakan satu bentuk penipuan dengan mengambil faedah atau kesempatan terhadap pelanggan yang tidak mengetahui harga sebenar. Keadaan ini mirip jual beli secara *talaqqi al-rukban*, iaitu pembeli tidak mengetahui harga sebenar dalam pasaran. Tindakan memanipulasikan harga sebegini mewujudkan unsur syubhah kerana maklumat harga yang diberikan telah dimainkan oleh penjual.

Di samping itu, testimoni palsu juga merupakan satu bentuk penipuan dan menjadi syubhah sekiranya penjual belum pasti kualiti barangnya, tetapi dengan yakinnya mengupah seseorang untuk memberikan perakuan puas hati atas barangan tersebut. Akhlak dan tindakan tidak jujur seperti ini yang perlu dielakkan dalam mengurus niaga.

Bagi memastikan jual beli sah, tindakan yang menunjukkan berlakunya ijab dan kabul (*sighah*) perlu dimasukkan dalam transaksi. Walaupun urus niaga dilakukan secara maya, penjual perlu meletakkan kekunci yang menunjukkan persetujuan pembeli membeli barangan yang ditawarkan. Kekunci

“Pertimbangan hukum yang utama ialah pihak yang berkontrak mestilah mematuhi segala keperluan pada rukun dan syarat jual beli.”

itu akan bertindak seolah-olah lafaz kabul seperti memasukkan perkataan “saya setuju”. Kekunci pengesahan ini penting bagi menunjukkan urus niaga yang berlaku antara penjual dengan pembeli dilakukan dengan reda dan sukarela.

Cara melakukan pembayaran dalam urus niaga dalam talian ini juga penting untuk mengelakkan syubhah. Tiada isu yang perlu dipertikaikan sekiranya transaksi melibatkan pembayaran secara tunai. Misalnya, menerusi pembayaran secara *Financial Process Exchange (FPX)*, iaitu sistem pembayaran dalam talian yang selamat bagi membolehkan pengguna membuat pembayaran pada masa nyata dengan menggunakan akaun perbankan masing-masing. Namun begitu, sekiranya pembayaran dilakukan secara hutang, syubhah mungkin berlaku sekiranya lewat dilunaskan sehingga menghasilkan riba dan *gharar*.

Aspek penting bagi menghasilkan transaksi yang sah selepas melakukan pembayaran ialah barang tersebut hendaklah diserahkan dan diterima (*qabad*) oleh pembeli. Tempoh penyerahan dan penerimaan dalam urus niaga yang mengambil tempoh masa tertentu pada asasnya tidak menimbulkan masalah dengan melihat tempoh yang munasabah mengikut adat setempat. Situasi ini juga bergantung pada lokasi penghantaran sama ada dari dalam negeri atau luar negara. Kebiasaan amalan hari ini, penjual akan membekalkan nombor jejukan (*tracking number*) apabila mereka selesai mengepos sesuatu barangan

bagi mengelakkan penipuan dan memastikan barangan yang dikirim dapat dijejaki dan dikenal pasti. Namun begitu, jika barangan tersebut dihantar salah, tidak sampai dan kualiti yang berlainan daripada yang ditempah, maka jelaslah urus niaga ini mengandungi elemen syubhah dan patut dielakkan.

Sememangnya, urus niaga secara dalam talian lebih terdedah kepada unsur syubhah jika tidak diteliti dengan mendalam. Oleh itu, sebelum memulakan pembelian sesuatu barangan secara dalam talian, pembeli diingatkan agar sentiasa berwaspada dengan membandingkan harga dan kualiti sesuatu barangan tersebut dengan teliti. Testimoni atau komen yang telah diberikan terhadap barangan jualan, dengan melihat pengalaman urus niaga yang telah dijayakan oleh penjual terbabit juga patut dikaji. Sikap berhati-hati ini dapat mengelakkan seseorang daripada membeli barangan tiruan, tidak berkualiti, laman sesawang tipu (*spam*), dan tawaran harga yang tidak berpatutan.

Maka itu, bagi mengelakkan hal ini berlaku, pembelian menggunakan laman sesawang yang masyhur dan dikenali lebih selamat kerana urus niaga tersebut akan dipantau oleh penyedia laman sesawang terbabit. Secara tidak langsung, kaedah ini dapat mengurangkan kes pembelian syubhah yang mengakibatkan pembeli tertipu dan berasa tidak puas hati terhadap sesuatu pembelian. **DTI**